



# INDUSTRI AGRO-PELANCONGAN: POTENSI KOPERASI DALAM AKTIVITI *HOMESTAY*

Oleh | Norafidah Ismail @ Yaacob  
MKM Cawangan Utara

**A**pabila kita memperkatakan mengenai pelancongan, jelas terlintas di fikiran ia adalah aktiviti libur untuk menenangkan fikiran. Perkataan pelancongan atau *tourism* dalam bahasa Inggeris sebenarnya berasal daripada perkataan Latin iaitu *Tornare* dan perkataan Greek iaitu *Tornos* yang membawa maksud pergerakan dalam suatu bulatan.

Namun begitu, pelbagai definisi berkaitan pelancongan boleh diperjelaskan lagi dari persepsi beberapa pihak tertentu termasuklah pelancong itu sendiri, para pengkaji, kerajaan mahupun organisasi yang terlibat dalam bidang pelancongan. Menurut WorldTourismOrganization(WTO) pelancongan didefinisikan sebagai aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat, keluar daripada persekitarannya yang asal dan menetap di situ tidak lebih daripada setahun bagi tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya. Oleh yang demikian, walau apa pun definisi diberikan, industri pelancongan diharapkan akan memberikan impak yang positif ke atas ekonomi, sosial dan persekitarannya.


## PERKEMBANGAN INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, industri pelancongan merupakan suatu aktiviti industri yang semakin mendapat perhatian kerajaan. Tahun 2009 menjadi satu sejarah di mana Malaysia telah berada pada tangga ke-10 teratas dari segi ketibaan pelancong dan 15 teratas dari segi penerimaan global. Ini membuktikan bahawa negara ini mampu menarik perhatian pelancong dan industri ini berpotensi dalam menjana ekonomi negara yang tinggi. Selain itu, peluang ini dapat menaik taraf kehidupan masyarakat setempat menerusi peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

Sebagai sebuah negara yang beriklim khatulistiwa iaitu panas dan lembap sepanjang

tahun, Malaysia sememangnya mempunyai daya tarikannya yang tersendiri menerusi keunikan flora dan faunanya, pantai-pantai yang bersih serta gunung-ganang yang menawan sesiapa sahaja yang mengunjunginya. Selain itu, Malaysia juga terkenal dengan masyarakatnya yang berbilang kaum, agama, adat dan budaya namun masih bersatu di bawah satu bumbung perpaduan yang kuat. Menerusi keunikan kaum yang berbilang bangsa, ia menjadi aset kepada negara dalam usaha untuk menarik pelancong domestik dan luar negara. Kerajaan melakukan pelbagai usaha dalam menarik minat pelancong untuk datang melawat Malaysia. Justeru, pelbagai bentuk pelancongan telah diperkenalkan seperti pelancongan pendidikan (Edu-tourism), pelancongan agro (Agro-tourism), pelancongan eko (Eco-tourism), pelancongan sukan dan pelancongan kesihatan. Namun semua usaha ini tidak akan berhasil tanpa adanya kesedaran dan sokongan daripada rakyat Malaysia itu sendiri. Mereka merupakan faktor penggerak dan penyumbang ke arah peningkatan industri pelancongan di Malaysia dengan tidak mengharapkan usaha kerajaan semata-mata.

## PROSEDUR PENDAFTARAN PROJEK AGRO-PELANCONGAN: HOMESTAY



\*Sumber dari Kementerian Pelancongan Negeri Kedah

Peluang sebegini juga tidak seharusnya dilepaskan oleh gerakan koperasi di Malaysia dalam usaha menggandakan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebagaimana yang disasarkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, iaitu Menteri di Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk meningkatkan KDNK dari 1% kepada 5% pada tahun 2013. Menyedari hakikat itu, salah satu usaha yang sedang giat diperkenalkan dan mula mendapat perhatian di kalangan koperator adalah industri agro-pelancongan. Program agro-pelancongan sebenarnya telah mula diperkenalkan oleh Kementerian sejak tahun 1989. Menurut sumber dari Wikipedia, agro-pelancongan atau dikenali sebagai pelancongan tani ialah gaya atau aktiviti pelancongan yang

berasaskan kegiatan pertanian, perikanan dan penternakan.

### HALA TUJU AGRO-PELANCONGAN

Hala tuju pembangunan agro-pelancongan di Malaysia banyak tertumpu kepada program *farmstay* atau *homestay*. *Homestay* atau juga dikenali sebagai inap desa yang mana ia merupakan di antara cabang-cabang pelancongan desa dengan memperkenalkan aktiviti kebudayaan, makanan serta permainan tradisional masyarakat setempat. Selain itu, pelancong dapat menikmati pelbagai pengalaman di desa yang unik lagi mendamaikan. Menyedari akan potensi program *homestay* tersebut, para koperator disarankan untuk mempelajari teknik-teknik dari segi pengurusan dan pengendalian *homestay* dengan bijak selain

berpeluang menjana pendapatan dan pekerjaan kepada penduduk di sekitar khususnya anggota koperasi itu sendiri.

Menurut Laporan Ekonomi 2010/2011 yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan, sejak akhir Jun lalu sejumlah 2,998 pengendali *homestay* telah dilatih dan diberi lesen di seluruh negara. Malah, kerajaan juga telah melancarkan kempen e-Pemasaran *Homestay* dan juga promosi melalui telefon pintar dalam usaha untuk memasarkan *homestay*. Justeru, para koperator tidak seharusnya ketinggalan dalam usaha murni yang dijalankan oleh kerajaan tersebut. Para koperator perlu tahu akan maksud, tujuan dan cara pengurusan sebenar sebelum menjalankan aktiviti *homestay*. Hal ini kerana, ada segelintir pengusaha *homestay* yang tidak menjalankan konsep *homestay*

yang sebenarnya. Ini jelas dilihat apabila rata-rata pengusaha sebenarnya bukan menjalankan aktiviti *homestay* tetapi lebih kepada rumah tumpangan. Tidak kurang juga pengusaha yang sanggup menjalankan aktiviti *homestay* secara haram tanpa berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

## CADANGAN KEPADA KOPERATOR DALAM MENCEBURI INDUSTRI AGRO-PELANCONGAN : *HOMESTAY*

Terdapat beberapa cadangan kepada para koperator yang berminat untuk menjalankan program *homestay* iaitu:

### 1. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan selesa

Bagi memulakan sesebuah program *homestay*, para pengusaha khususnya koperator yang berminat perlulah menitikberatkan soal kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan selesa seperti kemudahan penginapan yang bersih dan selamat, bekalan air dan elektrik yang mencukupi, kemudahan makan minum yang memuaskan serta kemudahan-kemudahan asas lain yang dikira perlu untuk menjamin keselesaan pelancong sepanjang tempoh mereka menginap di *homestay* tersebut.

Selain itu, pengusaha *homestay* juga perlu menyediakan sistem pengangkutan dan telekomunikasi yang baik bagi memudahkan perhubungan para pelancong. Sebagai contoh, perkhidmatan pengangkutan yang boleh disediakan adalah seperti khidmat kereta sewa yang boleh mengambil pelancong dari lapangan terbang terus ke *homestay*, sistem jalan raya dan

jambatan yang baik dan stabil, kemudahan untuk berkomunikasi seperti adanya pondok telefon dan juga liputan menyeluruh bagi penggunaan telefon bimbit mahupun internet.

### 2. Menyediakan aktiviti-aktiviti rekreasi yang bersesuaian

Bagi menarik perhatian pelancong mengunjungi *homestay*, aktiviti-aktiviti rekreasi yang unik dan sesuai perlu diperbanyakkan. Sebagai contoh, aktiviti mendaki gunung, menangkap ikan menggunakan peralatan tradisional, melawat gua, merentas hutan dan denai, memetik buah-buahan tempatan di kebun, membajak sawah di bendang, serta bermain permainan tradisional seperti batu seremban, congkak, wau, sepak takraw dan sebagainya. Ini secara tidak langsung mendedahkan pelancong kepada keunikan dan keistimewaan perkampungan desa hasil dari program *homestay* itu sendiri. Pengalaman seperti ini sememangnya tidak terdapat di kebanyakan negara lain selain Malaysia.

### 3. Melakukan promosi *homestay* dengan bijak

Selain itu, pengusaha *homestay* khususnya koperator perlu bijak dalam mempromosikan *homestay* mereka. Selain menggunakan teknik-teknik seperti pemberian brosur, pamflet dan iklan menerusi surat khabar, pengusaha *homestay* juga boleh mempromosikannya melalui kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan swasta khususnya ejen-ejen pelancongan yang berdaftar. Dengan ini, maklumat promosi dapat disebarluaskan bukan sahaja di dalam malah di luar negara juga. Jalinan kerjasama seperti ini bukan sahaja meng-

untungkan pengusaha *homestay*, malahan agensi yang terlibat juga turut mendapat kesan positif hasil dari aktiviti promosi pelancongan yang berkesan.

### 4. Penambahbaikan kawasan pelancongan

Bagi meningkatkan lagi mutu pengurusan *homestay*, penambahbaikan berterusan perlu diberi perhatian khususnya dari segi menaik taraf keindahan dan kebersihan desa agar lebih menarik dari masa ke semasa. Pengusaha *homestay* perlu menitikberatkan soal mutu dan daya saing *homestay* mereka setanding dengan pesaing-pesaing *homestay* yang lain agar sentiasa mendapat tempat di hati pelancong dalam tempoh yang panjang. Sebagai contoh, pengusaha perlu memperbanyakkan aktiviti *homestay* yang menarik dan unik di samping menjaga aset dan persekitaran *homestay* yang sedia ada agar sentiasa dalam keadaan yang baik, bersih dan bebas dari sampah-sarap.

### 5. Kerjasama daripada penduduk desa khususnya anggota koperasi itu sendiri dalam memajukan program *homestay* yang hendak dijalankan

Bagi sesebuah kawasan *homestay* khususnya di desa-desa, kerjasama daripada penduduknya amat diperlukan dalam menggerakkan program tersebut agar mencapai matlamat yang diharapkan. Kini, para koperator semakin galak menjalankan program *homestay*, namun ia tidak akan berhasil tanpa bantuan dan kerjasama penuh daripada anggotanya dalam sama-sama menguruskan program *homestay* tersebut agar terus berkembang dan bertahan lama. Anggota-anggotanya perlu

komited dalam memberikan perkhidmatan khususnya memberikan gambaran yang baik mengenai *homestay* yang diusahakan koperasinya terutamanya dari segi keselesaan, keselamatan dan keunikan yang dimiliki *homestay* oleh mereka.

## 6. Berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia

Selain daripada cadangan-cadangan di atas, perkara yang paling utama sekali bagi sesebuah koperasi yang berminat untuk menjalankan program *homestay* adalah dengan mendaftar di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia. Hal ini sangat perlu dalam memastikan segala urusan terkawal di samping peluang kepada koperator untuk mendapatkan bantuan berbentuk bimbingan dan khidmat nasihat daripada pihak Kementerian Pelancongan sendiri. Sebagai contoh, pihak Kementerian Pelancongan sendiri ada menawarkan Kursus Asas Homestay yang dianjurkan oleh Institut Kemahiran Desa (INFRA) di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada para koperator tentang cara-cara untuk mengendalikan *homestay* dengan baik dan mengikut kaedah yang betul. Selain itu juga, para koperator dapat mengembang-kan aktiviti *homestay* menerusi promosi-promosi yang turut dibantu oleh pihak berwajib terbabit.

### CONTOH PROJEK HOMESTAY YANG BERJAYA: KOPERASI GUNUNG DATUK REMBAU BERHAD

Salah satu aset yang paling bernilai yang dimiliki oleh koperasi ini adalah keindahan

Gunung Datuk yang merupakan puncak tertinggi di Daerah Rembau dalam Negeri Sembilan dengan ketinggian 880 meter atau 2,900 kaki dari aras laut. Ia terletak di Kampung Batang Nyamor, Mukim Gadong, Daerah Rembau ini memiliki flora dan fauna yang unik dan semula jadi. Gunung ini juga mempunyai daya tarikan istimewanya yang tersendiri iaitu terdapat kesan tapak kaki Laksamana Tun Tuah di puncak gunung tersebut. Selain itu, ianya juga mempunyai kesan sejarah berkaitan adat perpatih yang didatangi oleh imigran Minangkabau dari Pagar Ruyung, Sumatera Barat.

Koperasi ini juga menyediakan beberapa aktiviti untuk peminat sukan lasak seperti aktiviti mendaki gunung. Para pendaki boleh berkhemah dengan selesa di kaki gunung dan di puncaknya dengan selamat di tapak yang telah disediakan. Mengambil masa 2 jam untuk sampai ke puncak, pelancong akan melalui denai yang bersih lagi mencabar selain menghirup udara yang segar sepanjang menyusuri denai

tersebut sehingga sampai ke puncak gunung tersebut.

Dengan tidak terlalu menumpukan kepada aktiviti mendaki gunung semata-mata, Koperasi Gunung Datuk Rembau ini juga menyediakan beberapa aktiviti yang penuh keunikan di desanya yang dikenali sebagai Homestay Batang Nyamor. Di Kampung Batang Nyamor, terdapat 19 buah rumah *homestay* yang setiap satunya dibina lengkap dengan ciri-ciri tradisionalnya dan juga pengekalan adat Perpatih yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Antara aktiviti *homestay* yang turut ditawarkan oleh koperasi ini pula adalah seperti bermain alat muzik tradisional seperti dikir rebana, menari tarian tradisional seperti Tarian Terinai dan Boria Negeri Sembilan, nyanyian tradisional, pertunjukan istiadat perkahwinan (Adat Perpatih) dan juga mencuba makanan tradisional yang disediakan penduduk kampung terbabit. Usaha tersebut sememangnya membuahkan hasil apabila program *homestay* yang dijalankan oleh koperasi

Rajah 1 : Statistik Pengunjung Tahun 2010

| BULAN         | DALAM NEGARA (ORANG) | LUAR NEGARA (ORANG) | JUMLAH (ORANG) |
|---------------|----------------------|---------------------|----------------|
| Januari       | 1,672                | 237                 | 1,909          |
| Februari      | 1,303                | 41                  | 1,344          |
| Mac           | 1,910                | 6                   | 1,916          |
| April         | 1,769                | 0                   | 1,769          |
| Mei           | 2,168                | 36                  | 2,204          |
| Jun           | 62                   | 1,415               | 1,477          |
| Julai         | 1,378                | 72                  | 1,450          |
| Ogos          | 886                  | 72                  | 958            |
| September     | 795                  | 50                  | 845            |
| Oktober       | 2,353                | 143                 | 2,496          |
| November      | 1,723                | 13                  | 1,736          |
| Disember      | 2,254                | 42                  | 2,296          |
| <b>JUMLAH</b> |                      |                     | <b>18,491</b>  |

## Antara Tarikan Istimewa Koperasi



Aktiviti Menoreh Getah



Persembahan Nyanyian dan Tarian Tradisional



Majlis Perkahwinan Mengikut Adat Perpatih



Pelancong berpeluang memainkan alat muzik

tersebut bukan sahaja didatangi oleh kelompok pelancong dalam negara sahaja, malah dari luar negaraturutmelawatkehomestay tersebut. (rujuk Rajah 1)

### Kesimpulan

Secarakesimpulannya,jelasdapat dilihat di sini bahawa industri agro-pelancongan sememangnya telah membuka lembaran baru kepada para koperator dalam usaha meneroka dan membangunkan bidang tersebut menjadi sebuah industri yang dikenali di mata dunia. Justeru, dalam memastikan industri

agro-pelancongan ini terus mendapat tempat di mata pelancong-pelancong khususnya luar negara dan juga tempatan, peranan sebenar tidak hanya tergalas di bahu Kerajaan semata-mata, sebaliknya semua pihak harus turut serta dalam menyumbangkan idea dan tenaga ke arah menjadikan industri agro-pelancongan sebagai suatu industri pelancongan yang diiktiraf di samping menjana pendapatan negara serta penduduk setempat.

Peluang sebegini juga tidak harus dilepaskan oleh para koperator di Malaysia khususnya dalam

usaha mempelbagaikan dan juga menambah baik aktiviti-aktiviti di dalam koperasi mereka menerusi peluang dan ruang yang ditawarkan oleh industri agro-pelancongan itu sendiri. Ini jelas terbukti apabila terdapat beberapa koperasi yang berjaya menjadikan industri agro-pelancongan menerusi program *homestay* sebagai penjana pendapatan utama koperasi mereka. Apa yang diharapkan agar industri ini akan terus mendapat tempat di kalangan koperator serta dapat dibangunkan dengan lebih meluas lagi pada masa-masa akan datang.

### Rujukan

*Berita Harian*. (2011, Jun 02). Homestay tiada ciri inap desa.  
<http://www.moa.gov.my/web/guest/rekreasi-dan-pelancongan>  
<http://web10.bernama.com/budget2011/newsBm.php?id=535638>  
<http://www.motour.gov.my/bm/faq/144-program-homestay-malaysia.html>  
<http://www.scribd.com/doc/16611950/Industri-Pelancongan-di-Malaysia>  
<http://www.malaysia.gov.my>  
<http://www.infra.gov.my>  
<http://www.wikipedia.org/>  
Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Kedah  
Koperasi Gunung Datuk Rembau Berhad, Negeri Sembilan.